

**UCAPAN**  
**YAB DATO' MOHAMED KHALED BIN NORDIN**  
**MENTERI BESAR JOHOR**  
**MAJLIS AMANAT YAB MENTERI BESAR JOHOR TAHUN 2016**  
**PADA HARI KHAMIS, 04 FEBRUARI 2016**  
**DI PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PERSADA JOHOR,**  
**JOHOR BAHRU**  
**JAM 9.00 PAGI**

Tuan-tuan dan Puan-puan;

1. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Tahun Baharu 2016. Semoga 2016 ini menjadi tahun paling baik untuk Johor dan seluruh masyarakatnya, insya-Allah.
2. Pada Mei tahun ini, genap tiga tahun saya menggalas amanah menerajui pentadbiran Negeri Johor. Banyak sekali perkara yang telah saya pelajari sepanjang tempoh tersebut. Alhamdulillah, segala-galanya sangat matang dan mendewasakan.
3. Pencapaian kita sebagai sebuah negeri dan sebuah masyarakat semakin positif dan baik. Johor berada di landasan yang kukuh untuk menjadi sebuah negeri dan masyarakat yang jauh lebih sejahtera.
4. Defisit kita telah diuruskan dengan berkesan. Pendapatan Kerajaan bertambah dengan signifikan. Ratusan ribu pekerjaan baharu telah tercipta. Perbelanjaan dilakukan dengan berhemah, terurus dan berorientasikan pencapaian. Dan simpanan kita menokok dengan konsisten. Dan insya-Allah dalam sedikit waktu lagi, Johor akan menjadi kuasa ekonomi utama di Malaysia.
5. Namun apa jua pencapaian kita selama ini, banyak atau sedikit, biarlah rakyat yang menilainya. Biarlah sejarah merakamnya.

6. Sebaliknya, yang harus kita selalu ingat dan insaf, betapa usaha membangunkan Johor dan bangsanya ini, adalah sebahagian daripada sebuah perjuangan yang panjang dan besar.
7. Perjuangan yang tidak mengizinkan kita untuk leka dan tersasar. Perjuangan yang harus kekal menjadi agenda, tugas dan tanggungjawab utama kita.
8. Malah, perjuangan yang mesti dirancakkan dan diberikan nafas baharu. Agar tertanam dalam benak kita semua, bahawa tiada satu hari pun, harus dibiarkan berlalu tanpa kegigihan memikirkan jalan terbaik untuk menjadikan Johor dan masyarakatnya maju dan sejahtera.
9. Lalu pada kesempatan yang penting ini, saya ada tiga agenda utama untuk diungkapkan.
10. **Agenda Pertama: Johor memerlukan naratif baharu dalam pertumbuhan ekonominya.**
11. Jika kita semak pencapaian ekonomi Johor sejak tiga tahun lepas, ternyata dasar dan strategi pertumbuhan ekonomi kita telah memperlihatkan petunjuk-petunjuk positif. Johor membangun dengan pantas. Malah antara yang paling dinamik di Malaysia selepas Kuala Lumpur.

12. Namun, orientasi ekonomi Johor juga sedang berubah deras. Kita sudah mula beranjak secara progresif daripada ekonomi berasaskan bahan mentah kepada ekonomi bermodalkan idea, inovasi dan kreativiti. Tanpa meminggirkan aktiviti ekonomi tradisional.
13. Kesemua ini bermatlamat mewujudkan sebuah ekonomi yang terancang, inklusif dan berkesejahteraan. Dan bukan hanya berfokuskan kepada agregat Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) semata-mata.
14. Atas sebab itulah, dalam pelbagai agenda ekonomi kita, rakyat dilibatkan secara bermakna dan konstruktif. Rakyat adalah pendukung, pencipta, penggerak dan pemain utama dalam setiap detik pembaharuan, pertumbuhan dan nadi pembangunan Johor. Bukan sekadar penerima atau pemerhati pasif.

Tuan-tuan dan Puan-puan;

15. Tetapi di sebalik semua cerita baik ini, kita mesti ingat, langit tidak senantiasanya cerah. Laut tidak senantiasanya tenang. Semuanya pasti ada gelora yang tersendiri. Dan perkara ini membawa saya kepada pesanan saya yang pertama.
16. Yakni, 2016 bakal menjadi tahun yang sangat mencabar kepada dunia dan pastinya kepada Malaysia. Ketua Pakar Ekonomi Asia Pasific, dari Goldman Sachs Research, Andrew Tilton, menyatakan bahawa tahun 2016 akan menyaksikan

cabaran kelembapan ekonomi di rantau Asia. Khususnya China, yang masih perlu berhadapan dengan kesan serius pinjaman berskala besar yang banyak.

17. Sekarang ini pun, sudah banyak petunjuk ekonomi semasa mengunjurkan dengan jelas bahawa kedudukan ekonomi Malaysia tidak akan begitu memberangsangkan.
18. Kejatuhan harga minyak yang semakin drastik, penyusutan nilai ringgit dan konflik antarabangsa yang semakin berleluasa. Kesemua ini pastinya akan memberi kesan kepada ekonomi kita.
19. Pertumbuhan yang perlahan ini akan menyebabkan pendapatan negara berkurangan, peluang pekerjaan mengecil dan semakin ramai rakyat akan terhempit teruk oleh bebanan kos hidup yang saban hari kelihatan semakin tidak menentu dan mencanak naik.
20. Faktor-faktor ini memaksa Kerajaan Pusat menyemak semula Bajet 2016, sekalipun sebelum berakhirnya Januari 2016. Sesuatu yang tidak pernah berlaku sebelum ini.
21. Yang pasti, kita di Johor juga akan sedikit sebanyak turut terbias dengan dampak ekonomi yang suram ini.
22. Maka, bagaimanakah kita harus mengurus ekonomi kita dalam konteks cabaran yang kompleks ini? Bagaimana harus kita merangka dasar, pelan, program dan perbelanjaan yang

akan terus menyokong kepentingan pembangunan negeri kita, tanpa kompromi, tanpa berkurangan, tetapi dengan peruntukan yang minimum dan terhad?

23. Kesemua ini memaksa kita bersiapsiaga. Pemikiran lama, cara lama, budaya lama, tidak lagi sesuai dan serasi dengan konteks Johor yang semakin global.
24. Maka, demi keamanan ekonomi Johor, kita memerlukan pelan pertumbuhan yang lebih radikal. Atau dalam erti kata lain, Johor memerlukan naratif baharu dalam pertumbuhan ekonominya.
25. Naratif yang meneroka bidang pertumbuhan baharu seperti industri kreatif dan ekonomi hijau. Naratif yang membongkar potensi keusahawanan dan inovasi secara agresif dan besar-besaran. Naratif yang memposisikan Johor sebagai ekonomi serantau dan bukan sekadar sebahagian daripada ekonomi Malaysia.
26. Naratif yang memberikan kita inspirasi untuk mencuba konsep ekonomi alternatif, bersandarkan wakaf, hibah dan zakat. Yang membolehkan ekonomi digerakkan melalui muafakat masyarakat tanpa bergantung harap pada pemerintah.
27. Naratif yang dapat memastikan kelestarian dan keamanan ekonomi. Sekaligus berupaya menzahirkan matlamat akhir dasar ekonomi kita, iaitu mewujudkan ekonomi berkesejahteraan.

28. Jadi, pada hari ini saya mangajak tuan-tuan dan puan-puan semua untuk mendukung agenda membangunkan naratif baharu untuk ekonomi Johor. Kerana kita tidak punya pilihan lain. Melainkan menstrukturkan semula ekonomi kita.
29. Dan dalam proses penstrukturkan semula ekonomi ini, kita mesti bersedia melebarkan liberalisasi perdagangan kita serta membawa ekonomi kita ke dalam persekitaran ekonomi serantau dan global.
30. Sebenarnya, inilah juga sebabnya kenapa Malaysia mempertimbangkan dengan teliti untuk menyertai Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA). Seperti yang diluluskan melalui undian Parlimen pada 27 Januari yang lalu. Kerana Malaysia memerlukan naratif baharu untuk mencerdaskan kembali pertumbuhan negara melalui perdagangan bebas dan liberalisasi perdagangan yang lebih radikal.
31. Insya-Allah, melalui naratif baharu ini, kita akan mampu membina ekonomi Johor dan Malaysia yang lebih berketahanan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

32. Izinkan saya menyentuh **Agenda Kedua**, iaitu **Gagasan Johor Berkemajuan**.

33. Sebenarnya, mencorak dan membangunkan Johor menjadi sebuah kuasa ekonomi bukan satu-satunya impian saya. Malah ia bukan matlamat akhir dasar pembangunan kita.
34. Kerana saya sedar. Jika kejayaan kita hanya disandarkan pada prestasi ekonomi dan pembangunan fizikal, maka kita hanya separuh berjaya. Separuh lagi dimensi kejayaan sebenarnya belum terisi.
35. Jadi, pada pagi ini saya ingin mengemukakan satu gagasan baharu. Gagasan yang akan menyepadukan segala ikhtiar kita selama ini. Gagasan yang akan melengkapkan definisi kita sebagai bangsa yang berjaya. Gagasan yang saya namakan sebagai, **Gagasan Johor Berkemajuan**.
36. Gagasan ini adalah satu agenda besar memajukan kehidupan dan pemikiran bangsa. Dan bukan sekadar jargon dan pernyataan normatif. Yang dinukil dengan harapan dan berakhir dengan tepukan.
37. Sebaliknya, ia adalah gagasan yang meletakkan ke atas bahu kita satu tugas paling besar. Tugas yang harus saya laksanakan sebagai pemimpin bangsa saya.
38. Iaitu tugas membentuk masyarakat yang berfikiran dan mempunyai sistem nilai yang maju. Bukan sekadar berpendapatan tinggi. Tetapi bersusila dan berakal budi.



39. Dan tugas ini jauh lebih sukar daripada membangunkan ekonomi. Kerana membangunkan ekonomi dan mercu fizikal tidak pernah sepayah dan sesukar mengislahkan pemikiran bangsa.
40. Mana mungkin kita boleh membiarkan Johor memacu deras menjadi negeri yang pesat pembangunan ekonominya. Tetapi, pemikiran dan sistem nilai masyarakatnya, mundur dan terkebelakang.
41. Sedangkan makna kemodenan dan kemajuan itu sendiri, tidak pernah terkurung dalam nuansa fizikal. Sebaliknya, sejak sekian lama ia lebih berpaksi pada keunggulan nilai dan ketinggian makna pemikiran.
42. Maka, apabila saya mengusulkan gagasan Johor Berkemajuan ini, apa yang saya maksudkan?
43. Saya mengusulkan, agar dilakukan satu anjakan sosial ke arah mewujudkan pemikiran, budaya dan sikap yang berkemajuan. Yang akan menjadi sandaran baharu dan mendarah daging dalam nilai pegangan, pemikiran dan sistem kehidupan masyarakat kita di Johor.
44. Masyarakat yang dibaluti dengan perwatakan maju dan adil yang akhirnya mampu menterjemahkan kesejahteraan, kemakmuran dan peradaban yang unggul pada tahap yang layak dinikmati oleh semua.

45. Pada saya, inilah sebenarnya tujuan sebuah pemerintahan. Inilah sebenarnya definisi sebuah kemajuan.
46. Daripada segi intipati dan iltizamnya, Gagasan Johor Berkemajuan ini memiliki semangat yang sama dengan ungkapan “memajukan kesejahteraan umum”. Kerana semua yang kita rancang, gubal dan laksanakan, mesti membuahkan nilai kebaikan, keadilan, kemakmuran dan keberadaban kepada bangsa.
47. Agar akhirnya, dengan budaya berkemajuan ini, akan terbentuklah Masyarakat Terbaik atau *khaira ummah* seperti yang disebut oleh Allah SWT di dalam firmanNya melalui ayat 110 Surah Ali-Imran.
48. Dan Masyarakat Terbaik inilah yang seterusnya akan membentuk bangsa terbaik dan maju.

Tuan-tuan dan Puan-puan;

49. Kenapa saya mengagaskan Johor Berkemajuan ini? Saya ada empat sebab.

**Pertama: Kita Bukan Sekadar Ingin Menjadi Negara Maju, Tetapi Masyarakat Maju**

50. Selama ini, yang kita tumpukan adalah indikator ekonomi. Pada kita, bila kita mencapai kadar pertumbuhan purata 7%

setahun untuk tempoh 25 tahun secara konsisten, maka menjelang tahun 2020, kita akan menjadi negara maju.

51. Sedangkan, wujud perbezaan antara menjadi negara maju dan membina masyarakat maju.
52. Masyarakat maju, ukurannya bukan hanya pada keterbukaan peluang pekerjaan, atau lingkaran lebuhraya yang bertingkat-tingkat, ataupun gedung membeli belah bersaiz mega. Kesemua itu hanyalah ciri luaran.
53. Tetapi, masyarakat yang maju adalah mereka yang maju pada pemikiran dan budayanya. Inilah ukuran sebenar. Kerana, tanpa pemikiran dan budaya yang maju, cita-cita menjadi negara maju pasti akan gagal kita realisasikan.

**Kedua: Masih Terlalu Banyak Ruang Dalam Konteks Kehidupan Kita Yang Perlu Diubah.**

54. Saya percaya, masih terlalu banyak ruang litup dan lapangan kehidupan masyarakat kita di Johor dan Malaysia yang perlu diubah dan dimajukan. Kerana, bangsa hanya akan baik jika akhlak anak bangsa yang membentuknya itu juga baik.
55. Malangnya, daripada perspektif moral atau akhlak misalnya. Masih banyak krisis kebejatan yang memerlukan perubahan perilaku. Agar bangsa kita memiliki martabat dan kematangan adab yang mulia dalam bertindak.

56. Rasuah dan segala bentuk penyelewengan masih berleluasa. Salah guna kuasa masih membarah. Chauvenisme dan prejudis perkauman yang keterlaluan masih ketara. Pelampau agama masih diraikan.
57. Kebejatan dan kerosakan ahklak sebeginilah yang menjadi punca kepada segala masalah negara. Masalah yang menyesak nafas dan melembapkan pergerakan kita yang mahu menghirup udara kemajuan.
58. Malah, lonjakkan susila mahmudah ini turut kita perlukan dalam pelbagai bidang lain. Budaya politik kita harus matang, demokratik dan amanah. Pendidikan kita mesti berorientasikan keadilan, kesaksamaan dan kecemerlangan.
59. Pembangunan teknologi kita mesti mengarah kepada kebaikan manusia dan bukan sebaliknya. Kelestarian alam sekitar mesti kita pelihara secara kolektif sebagai khazanah pada generasi mendatang. Budaya dan segala aktiviti seni kita, mesti menjurus kepada memberikan identiti yang selayaknya pada peradaban bangsa.
60. Semua aspek ini, kerap sekali kita kesampingkan bila kita bercakap tentang negara maju.
61. Jadi, gagasan Johor Berkemajuan ini harus menjadi instrumen yang memimpin masyarakat kita membina keunggulan tersebut. Sehingga meletakkan bangsa kita

sebagai suri teladan yang wajar dicontohi oleh bangsa-bangsa lain.

**Ketiga: Menggalas Gagasan Johor Berkemajuan, Penting Dan Wajib Ke Atas Kita, Sebagai Satu Bentuk Tanggungjawab Kepada Islam Dan Bangsa.**

62. Dalam agama, kita disuruh mencintai tanahair. Kita laungkan agar semua anak watan mesti patriotik. Kita gelar diri kita, Hizbul Watan atau Perajurit Watan. Di bawah seruan ini, kita diajar untuk memberikan segala yang termampu ke arah menjadikan negeri kita lebih baik, lebih maju.
63. Malangnya, ramai di antara kita hari ini tidak memberikan perhatian kepada perkara ini. Kita hanyut dalam dunia sendiri. Kita hanya mengharapkan agar segala pelan dan ganjaran datang dari Kerajaan.
64. Kita fikir, selepas kita membuang undi dalam pilihanraya, dan terbentuknya kerajaan, maka tugas kita pada bangsa dan negara sudah selesai.
65. Jadi, apa sebenarnya sumbangan kita? Bagaimana kita akan menjadi bangsa maju jika segala tanggungjawab diserahkan pada Kerajaan? Siapa lagi yang akan bertanggungjawab terhadap negeri ini, jika bukan kita semua?

66. Percayalah, dan sedarlah, bahawa kitalah kekuatan Johor. Jadilah penentu kemajuan Johor dan jangan biarkan halatuju dan kemajuan negeri kita ditentukan oleh pihak lain.

**Keempat: Johor Berkemajuan Akan Menjadi Instrumen Kita Mewujudkan Keseimbangan Dalam Pembangunan Bangsa dan Tanah air**

67. Membangun bangsa dan tanah air memerlukan keseimbangan antara kemakmuran material, kesejahteraan sosial dan kekuatan keperibadian bangsa.
68. Kita selalu sekali beranggapan bahawa kekuatan sesebuah negara itu adalah pada pembangunan ekonomi dan materialnya. Itu tidak tepat.
69. Kemajuan material itu pasti akan susut nilai dan kepentingannya, jika karektor, budaya dan pemikiran bangsa terkebelakang dan mundur.
70. Oleh yang demikian, jika Johor itu berkemajuan, maka ia harus dibangunkan secara seimbang dan kamil. Kerana akhirnya kita bukan sekadar mahu mengaku maju, bertumbuh dengan pesat dan moden.
71. Tetapi kita mahu diiktiraf sebagai bangsa berbudaya tinggi, berkeperibadian unggul, berpegang pada nilai dan berfikiran maju.

72. Lantaran kekuatan sebenar Johor hanya akan terjelma bila wujudnya keseimbangan dalam setiap aspek pembangunan Negeri ini.
73. Justeru itulah, Gagasan Johor Berkemajuan ini di tampilkan, agar Johor terbangun secara seimbang, lebih baik dan lebih sejahtera.

Tuan-tuan dan Puan-puan;

74. Saya tidak mengagaskan agenda besar ini tanpa persediaan. Dari mula saya mentadbir Negeri Johor Darul Ta'zim ini, saya telah melakarkan pelbagai agenda berkemajuan.
75. Pembangunan inklusif, ekonomi berkesejahteraan, Johor Lestari, Keusahawanan Johor, Johor Berkemahiran, Johor yang Islami dan pelbagai lagi ikhtiar Kerajaan Negeri untuk kebaikan umum, kesemuanya menjurus kepada agenda Johor Berkemajuan ini.
76. Cuma kali ini saya rangkumkan segala ikhtiar tersebut di bawah satu lembayung gagasan besar. Agar meniti di bibir setiap rakyat. Agar senang diungkap. Mudah diingati. Segera dijiwai. Dan mampu diterjemahkan dengan baik.
77. Dan bagi menjelaskan lagi gambaran terhadap agenda besar ini, saya meletakkan 4 ciri kepada Johor Berkemajuan.
  - a. **Pertama:** Semangat, pemikiran, nilai, sikap dan orientasi

kita senantiasa menjurus kepada masa depan. *“It is all about the future”*. Berfikir ke hadapan, bersemangat ke hadapan, bercita-cita ke hadapan.

- b. **Kedua:** Semua usaha kita di negeri ini mesti terfokus untuk mewujudkan kondisi dan persekitaran yang lebih baik dalam kehidupan material dan sisi rohani bangsa.
- c. **Ketiga:** Budaya dan pemikiran progresif harus berakar umbi dan menjadi gaya hidup Johor. Singkirkan pemikiran kolot, pemahaman sempit, budaya malas, sikap bergantung pada orang lain. Singkirkan.
- d. Dan **keempat:** apa jua yang kita rencanakan mesti melihat perspektif global. Pemikiran maju harus mengambil kira sorotan lensa global. Spektrum dunia kita tidak berhenti di sempadan Johor Darul Ta'zim. Kita hidup dalam lingkungan yang sangat bersifat antarabangsa.

Tuan-tuan dan Puan-puan;

- 78. Inilah gagasan saya untuk Johor, insya-Allah. Jika gagasan ini kurang padu, kukuhkan ia. Jika kurang sempurna, baiki ia. Pokok pangkalnya, marilah kita melakukannya bersama-sama.
- 79. Kerana dalam benak saya yang fana ini, saya yakin, pemikiran yang saya gagaskan ini adalah sesuatu yang amat diperlukan dan benar untuk diperjuangkan.



80. Persoalannya sekarang, bagaimana kalian semua, penjawat awam, sektor swasta, aktivis NGO, penggiat seni, ahli sukan, ilmuan agama, pengamal media dan sekalian anak Johor boleh membantu merealisasikan misi besar ini?
81. Sebab gagasan ini bukan agenda politik demi kepentingan saya. Sebaliknya gagasan besar ini adalah untuk Johor dan seluruh warganya.
82. Maka, salah satu caranya adalah dengan menterjemahkan gagasan Johor Berkemajuan ini dalam setiap dasar, setiap program dan setiap gerak kerja kita. Agar ia selari dan terbudaya. Kerana, saya amat yakin, inilah jalan terbaik untuk Johor dan masyarakatnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan;

83. Pada kesempatan ini, saya ingin menyatakan rasa terima kasih saya yang sangat mendalam kepada semua penjawat awam Negeri Johor. Kalian telah memberikan dukungan yang sangat luar biasa kepada saya. Terimalah penghargaan paling tulus dari saya.
84. Tetapi segala kejayaan yang telah kita perolehi ini, janganlah sampai sesekali melalaikan kita. Ia seharusnya menjadi inspirasi untuk kita bekerja dengan lebih gigih.

85. Kerana walau sehebat mana kita merancang, namun bentuk perjalanan tahun ini kekal rahsia Tuhan. Perjalanannya adalah misteri yang akan menerjah tanpa petanda dan alamat.
86. Apakah cabaran yang bakal menimpa kita? Apakah perkara-perkara baharu yang akan menyapa? Tiada siapa yang tahu. Kita hanya mampu merancang. Namun Tuhanlah yang menentukan.
87. Jadi, sekalipun kita sudah mempunyai persediaan dan pelan yang rapi, kita tidak boleh cepat berpuas hati dan berasa selesai. Kita mesti terus-menerus memikirkan jalan dan cara terbaik untuk menjayakan gagasan Johor Berkemajuan ini.
88. Dan inilah **Agenda Ketiga** yang ingin saya nyatakan. Iaitu, **perubahan dan penambahbaikan terhadap fungsi dan peranan Kerajaan.**
89. Kita kini hidup dalam masyarakat yang saling terhubung dalam satu rangkaian atau 'a network society'. Kita bukan lagi hidup bersendirian atau terpinggir jauh dari orang lain.
90. Maka kerajaan juga haruslah mengangkat apa yang dikenali sebagai 'a network government'. Iaitu konsep yang menuntut kakitangan kerajaan untuk beroperasi dalam ekosistem yang kompleks dan meliputi pelbagai peringkat. Namun pada masa yang sama masih mampu mencari titik pertemuan yang berkesan.

91. Masa depan dan kejayaan pentadbiran Negeri Johor amat bergantung kepada bagaimana kita boleh beroperasi dengan luwes dalam lingkungan yang lebih inklusif. Yang melibatkan pergerakan sivil, pertubuhan bukan kerajaan, sektor perniagaan, masyarakat awam tempatan, pelabur dan orang luar, badan antarabangsa dan sebagainya.

### **Empat Saranan Kepada Kerajaan dan Penjawat Awam**

92. Namun, kita juga sedar bahawa Kerajaan dan penjawat awam pastinya tidak akan mampu mengetahui segala perkara dengan khusus dan mendalam. Ilmu kita terbatas. Sumber kita sangat terhad. Masa kita tidak banyak.
93. Maka, jalan keluarnya adalah kerjasama yang lebih baik. Untuk itu, di bawah Agenda Ketiga ini, saya mencadangkan empat perkara kepada Kerajaan dan penjawat awam.
- a. **Pertama:** kita mesti mula membina kapasiti dan mekanisme yang membolehkan kita beroperasi secara berkesan dalam persekitaran yang meliputi pelbagai pihak dan pemegang taruh.
  - b. **Kedua:** kita mesti menerima realiti bahawa walaupun Kerajaan Negeri terbentuk atas kedaulatan wilayah, sistem governans semasa telah merentas sempadan, bersifat global dan mesti diolah sesuai dengan citra antarabangsa.

94. Apa jua yang kita lakukan akan menarik perhatian seluruh negara, malah dunia. Misalnya, bila kita menambak laut, membina jaringan keretapi laju, mengambil pekerja asing, hatta merencana keperluan air untuk masa depan Johor. Sesemuanya melibatkan dan mesti mengambil kira perspektif serantau dan global.

c. **Ketiga:** selaku penggerak governans dalam rangkaian pentadiran abad ke-21, Kerajaan dan kakitangan awam memerlukan perubahan mentaliti dan budaya kerja, insentif yang kompetitif, pendidikan profesional, pendedahan yang luas serta latihan dan kemahiran yang berterusan serta terkini.

95. Bukan sekadar kelulusan cukup makan, bukan sekadar kelayakan minimum, bukan sekadar latihan yang bersifat 'asal ada'. Sudah tiba masanya kita menarik bakat terbaik untuk menyertai kerajaan dan menjadi penggerak perkhidmatan awam.

96. Untuk memulakan langkah ini, saya menyarankan Institut Integriti Kepimpinan Latihan Semangat Dato' Onn (IKLAS), dibangunkan menjadi institusi latihan profesional serta sekolah pengurusan dan pentadbiran yang bertanggungjawab melengkapkan penjawat awam kita dengan segala kemahiran moden dan kepimpinan abad ke-21.

**d. Keempat dan terakhir:** segala pencapaian kita dalam era baharu ini perlulah diukur. Tetapi banyak kayu ukur yang kita gunakan selama ini sudah lapuk dan tidak lagi sesuai dengan keperluan semasa.

97. Maka kita perlu melihat semula matrik yang lebih tepat dalam mengukur keberkesanan Kerajaan. Terutamanya apabila kita berhadapan dengan kedinamikan persaingan, kemunculan norma-norma global yang baharu dan pelbagai cabaran semasa yang sukar.
98. Seperti cabaran gelombang kebangkitan masyarakat yang mendambakan lebih banyak maklumat, lebih banyak peluang, lebih banyak pendedahan khususnya yang melibatkan teknologi digital, pendidikan dan keselamatan.
99. Atau cabaran kelembapan ekonomi dunia seperti yang saya sebutkan di awal tadi. Atau cabaran demografi yang semakin berubah ekoran pertambahan saiz populasi dunia, ketidakseimbangan pembahagian kekayaan dan krisis pelarian.
100. Dan tidak ketinggalan, cabaran perubahan iklim dan pemanasan global yang sedang mengubah cara bekerja sama ada dalam sistem kerajaan, swasta mahupun pergerakan sivil secara umumnya.

101. Maka, berdasarkan segala cabaran ini, cara kita mengukur keberkesanan kerajaan dan sistem penyampaian awam harus diubahsuai agar selari dengan kehendak semasa.

Tuan-tuan dan puan-puan,

102. Saya menggagaskan 3 agenda penting ini tanpa ada niat dan matlamat lain. Saya hanya mahukan Johor menjadi lebih baik, lebih sejahtera, lebih lestari, lebih disayangi dan dihormati. Itu sahaja.

103. Namun, ketiga-tiga agenda ini menuntut setiap seorang daripada kita untuk menggembleng kudrat, mencanai akal dan idea serta berkerjasama dalam cara yang lebih baik dan bermakna.

104. Maka, saya sandarkan tanggungjawab moral untuk menterjemahkan 3 agenda ini kepada setiap seorang daripada kalian, untuk dilaksanakan dengan penuh semangat dan keikhlasan.

105. Saya harap cita-cita tahun baharu saya ini akan turut dikongsi dan diangkat oleh sekalian warga Johor. Marilah kita bersama-sama memasang azam, menggandakan usaha, dan mengutuskan doa yang terbaik demi melihat terjelmanya sebuah Johor Berkemajuan.

Terima kasih.

## CATATAN

# CATATAN